

NO. SOALAN : 40

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT
[HULU LANGAT]**

**TARIKH JAWAPAN : 28 OKTOBER 2014 (SELASA)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan peranan yang dimainkan oleh “Malaysian Green Technology Corporation (MGTC)” dalam mempromosikan Teknologi Hijau di negara ini. Sejauh manakah pencapaian MGTC berbanding objektif awal yang disasarkan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Dasar Teknologi Hijau Negara telah dilancar oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 24 Julai 2009. Susulan dari itu, Pusat Tenaga Malaysia (PTM) telah distruktur semula menjadi Malaysian Green Technology Corporation (MGTC) untuk menyelaras dan melaksanakan usaha dan program pembangunan dan aplikasi teknologi hijau secara efektif.

2. Sejak penubuhannya, MGTC telah:
 - a. Berperanan sebagai perunding dan penasihat kepada pihak Kementerian dalam menyediakan Pelan Induk Teknologi Hijau termasuk dalam penyediaan hala tuju industri kenderaan elektrik semenjak tahun 2012;

 - b. Melaksanakan Program MyHijau yang telah dilancar pada IGEM 2012, di mana program tersebut merangkumi program pelabelan hijau, pewujudan direktori syarikat-syarikat yang mengeluarkan barang dan perkhidmatan hijau, membangunkan sistem perolehan hijau Kerajaan-kerajaan

dan keusahawanan hijau bagi industri kecil dan sederhana (IKS) serta menjalankan program latihan MyHijau yang mensasarkan pembangunan kapasiti hijau terhadap pihak industri, profesional, dan juga para pelajar sekolah dan universiti;

- c. Menyelaras, memproses, dan memantau pelaksanaan Skim Pinjaman Teknologi Hijau (*Green Technology Financing Scheme*) yang telah dilancarkan semenjak Bajet Negara 2010. Sehingga Ogos 2014, sejumlah RM1.95 billion pinjaman telah diluluskan kepada 148 buah syarikat;
- d. Menyelaras dan melaksanakan program-program tahunan kesedaran awam terhadap teknologi hijau seperti IGEM;
- e. Membangun dan mempromosikan mekanisma *Low Carbon City Framework* (LCCF);
- f. Melaksanakan skim Pengurusan Tenaga ASEAN (AEMAS) semenjak tahun 2011 bagi melahirkan lebih ramai pengurus tenaga bertauliah; dan

- g. Membangunkan portal pekerjaan hijau.

Kesemua program ini telah menyumbang kepada peningkatan pendapatan hijau Negara berjumlah RM2.48 billion sehingga September 2014 dan sebanyak 23,480 pekerjaan hijau telah berjaya diwujudkan.
